



# Atasi salah faham berkaitan tulisan Jawi

Usaha menghidupkan semula warisan boleh dilaksana namun cabarannya bukan kecil

Oleh Noor Hafizah  
Ahmad Jaafar  
bhpPENDIDIKAN@bh.com.my

**Sebelum** kedatangan penjajah, tulisan Jawi memainkan peranan besar dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu. Bagaimanapun, ia mula menjadi kurang penting selepas subjek Bahasa Melayu dibahagikan kepada dua iaitu silibus untuk murid di sekolah kebangsaan dan sekolah jenama kebangsaan.

Langkah itu dimulakan susulan pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 sebelum Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dilaksanakan sepenuhnya pada 1983.

Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Adi Yasran Abdul Aziz, berkata subjek Bahasa Melayu yang diajar di sekolah kebangsaan mempunyai komponen tulisan Jawi.

“Bagaimanapun subjek Bahasa Melayu di sekolah jenama kebangsaan yang dinamakan sebagai Bahasa Kebangsaan tidak mengandungi komponen tulisan Jawi.

“Disebabkan hal itulah, timbul persepsi bahawa tulisan Jawi hanyalah untuk orang Melayu Islam sahaja,” katanya.

Tambah Adi Yasran, beliau berpandangan punca utama tulisan Jawi tidak lagi diajar ber-

sama mata pelajaran Bahasa Melayu ialah persaingan dengan Pengetahuan Agama Islam. Ia disebabkan subjek berkenaan turut memuatkan komponen tulisan Jawi.

Apatah lagi katanya, guru Bahasa Melayu sekitar 1960 dan 1970-an dikatakan kurang menguasai tulisan Jawi berbanding guru Pengetahuan Agama Islam.

“Pada masa itu, kebanyakannya buku teks Pengetahuan Agama Islam masih ditulis dalam tulisan Jawi berbanding buku teks Bahasa Melayu yang tidak lagi dihasilkan dalam Jawi bermula 1960-an,” katanya.

#### Nama baharu

Beliau menjelaskan hal ini menjadi punca tulisan Jawi diajar sepenuhnya dalam subjek Pendidikan Islam sahaja, iaitu nama baharu bagi subjek Pengetahuan Agama Islam selepas KBSR di-

laksanakan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Justeru tambahnya, meskipun usaha untuk menghidupkan semula tulisan Jawi boleh dilaksanakan tetapi perlu berhadapan dengan beberapa cabaran yang bukan kecil.

“Sebenarnya, tulisan Jawi dalam subjek Bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan tahap dua sudah diperkenalkan, namun mendapat bantahan daripada pihak tertentu.

“Saya berpendapat, langkah awal yang perlu dibuat adalah memberikan kefahaman kepada orang awam bahawa Jawi sebagai tulisan bagi subjek Bahasa Kebangsaan, seperti mana termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67.

“Sekali gus, persepsi tulisan itu untuk Melayu-Islam sahaja perlu dihapuskan,” katanya.

Adi Yasran berkata, persepsi

**Langkah awal yang perlu dibuat adalah memberikan kefahaman kepada orang awam bahawa jawi sebagai tulisan bagi subjek Bahasa Kebangsaan, seperti mana termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67**

**Adi Yasran Abdul Aziz,**  
Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar)  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM



Jawi hanya untuk Melayu Islam masih wujud hari ini malah terdapat kes bantahan terhadap tulisan Jawi yang dibawa ke makamah.

Hal ini katanya menunjukkan bahawa usaha mengatasi salah faham orang awam adalah perkara penting dan ia boleh dibuat dengan menubuhkan Jawatankuasa Tetap Tulisan Jawi yang bernaung di bawah Majlis Raja-Raja.

Jawatankuasa itu juga katanya, perlu dianggotai oleh pakar jawi, ahli bahasa, wakil institusi agama dan pendidikan.

Penubuhan jawatankuasa itu juga katanya bertujuan untuk merancang strategi memartabatkan tulisan Jawi supaya ia tidak hanya menjadi urusan bidang pendidikan sahaja, tetapi menjadi warisan yang dijaga oleh institusi tertinggi negara.

Adi Yasran berkata, tulisan Jawi perlu bersifat inklusif bukan sahaja untuk orang Malaysia tetapi juga merangkumi Indonesia, Brunei, Singapura dan Thailand.

“Manuskrip Melayu lama dan kitab turath Jawi yang tersebar ke seluruh alam Melayu perlu diberikan wajah baharu yang lebih mesra pengguna.

“Ia boleh dibuat dengan menggunakan sistem tulisan Jawi terkini supaya mudah difahami dengan kaedah penulisan buku kontemporari.

“Justeru, peruntukan dana khas perlu diberikan kepada pengkaji manuskrip Melayu lama

dan kitab turath Jawi,” katanya.

#### Terus relevan

Untuk rekod, sistem ejaan Jawi diubah suai daripada tulisan Arab, bagi memastikan ia terus relevan untuk digunakan sebagai medium penyebaran ilmu di alam Melayu. Hal ini menyaksikan hampir semua manuskrip Melayu lama ditulis dalam Jawi merangkumi pelbagai bidang ilmu, termasuk perubatan dan kesusasteraan.

Mengimbas sejarah tulisan Jawi di alam Melayu, ia ditandai dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu yang dikatakan bertarikh 1303 Masihi. Bagaimanapun, difahamkan sebelum penemuan itu tulisan Arab sudah banyak ditemui di alam Melayu.

Setakat ini, penemuan surat Sultan Abu Hayat dari Ternate kepada Raja Portugal pada 1521 dan 1522 direkod sebagai antara surat tertua bertulisan Jawi yang pernah ditemui.

Sistem ejaan Jawi, mula digunakan sejak awal abad ke-13. Namun, ketika tulisan Rumi dijadikan sebagai sistem ejaan rasmi bahasa Melayu mengikut Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, Jawi masih lagi boleh digunakan untuk urusan rasmi.

Selain itu Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan Pemasyhuran Malaysia pada 16 September 1963 turut ditulis dalam tulisan Jawi.